

EXCELLENCE DELIVERED
PLANNING FORWARD
VALUE ADDED

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : JPC/P20/594/SEL-BRNG/KM-01(001)
Tarikh : 15hb Januari 2021

JABATAN PERANCANGAN BANDAR,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.



Tuan,

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG CADANGAN MEMBINA KOMPLEKS MASJID BANDAR TASIK KESUMA DI ATAS LOT PT 11747, MUKIM BERANANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN UNTUK TETUAN JAWATANKUASA PEMBINAAN MASJID BANDAR TASIK KESUMA DAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

Perkara : Permohonan Mendapatkan Ulasan Pra-Rundingan Kebenaran Merancang

Merujuk kepada perkara di atas, sukacitanya dimaklumkan bahawa kami selaku Perunding Perancang Bandar yang dilantik bagi pihak Tetuan Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bandar Tasik Kesuma Dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ingin mengemukakan permohonan mendapatkan ulasan Pra-rundingan Kebenaran Merancang untuk cadangan pemajuan seperti di atas.

2. Untuk makluman pihak Tuan, Permohonan Kebenaran Merancang ini secara ringkasnya adalah bagi membina kompleks masjid Bandar Tasik Kesuma di atas Lot PT 11747, Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dengan keluasan 3.0 ekar. Lot PT 11747 ini juga telah diwartakan sebagai Tanah Kerajaan di bawah Seksyen 62 KTN bagi tujuan rezab tapak masjid melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor (WKNS) No. 1651 pada 21hb Mei 2009 (sila rujuk lampiran) di samping, telah mendapat kelulusan sokongan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi tujuan pembinaan masjid pada 26hb Mac 2015 (no.rujukan: JAI.SEL.BPM/01/018/7(50).

3. Bersama-sama ini, kami kemukakan dokumen berikut untuk perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak Tuan :

- i. Satu (1) salinan Pelan Susunatur bersaiz A0 (no. rujukan : JPC/P20/594/SEL-BRNG/KM_01);
- ii. Satu (1) salinan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).

4. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan pihak Tuan dapat memberikan pertimbangan dan sokongan terhadap permohonan cadangan ini. Segala perhatian daripada pihak Tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak Tuan.

Yang benar,

JURUASLI PLANNING & CONSULTANCY

.....
TPr Hj. NOR HALIM AHMAD
Pengarah